

Pemuda restu perhimpunan mat rempit

PUTRAJAYA: Pemuda 'Umno mahu Biro Putera mendapat kerjasama penuh polis sebelum menganjurkan Karnival Putera Motor di Bukit Jalil yang akan menghimpunkan 50,000 remaja atau mat rempit.

Ketua Pemudaanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sebelum ini tiada pihak yang mahu mendekati mat rempit dan membimbing mereka sama ada dari segi disiplin atau pengisian jiwa serta minda.

Namun, katanya, Biro Putera Pemuda Umno mengambil inisiatif membantu mereka walaupun mendapat kritikan pelbagai pihak.

"Saya menyokong Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim (Pengerusi Putera Umno) untuk membantu mereka kerana program yang dianjurkan sebelum ini mendapat sambutan hebat daripada remaja.

"Tetapi saya minta beliau bekerjasama penuh dengan PDRM dari pihak Jain kerana ia memabitkan disiplin remaja dan pengisian program berkenaan," katanya semalam.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Putera Umno yang mahu menganjurkan Karnival Putera Motor di Bukit Jalil, Kuala Lumpur November ini.

Bagaimanapun, PDRM tidak bersetuju dengan perhimpunan seramai 50,000 remaja bermotor kerana dikhuatiri mereka akan melanggar peraturan jalan raya selepas program berkenaan.